# TYT Dilantik Semula Sebagai Canselor Buat Kali Ketiga

Terakhir dikemaskini: Selasa, 28 Mei 2019 08:51 | Cetak | Jumlah paparan: 191

Kongsi 0 Syorkan 0 Kongsi Tweet Share



**JUMAAT, 24 MEI:** Tuan Yang Terutama Yang Di-pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Hj. Juhar Datuk Hj. Mahirruddin dilantik semula sebagai Canselor Universiti Malaysia Sabah buat kali ketiga.

Pelantikan tersebut diumumkan oleh Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Tun Juhar di Istana Negeri pagi kelmarin.

Watikah pelantikan yang telah ditandatangani oleh Yang Dipertuan Agong kepada Tun Juhar diserahkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Datuk K Y Mustafa.

Hadir sama dalam kunjungan tersebut, Timbalan Naib Canselor (TNC) Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Rasid Hj Mail; TNC Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul; TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Dr. Ismail Ali serta Pegawai-pegawai Utama UMS.